

## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UMS

15 Mac: Sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun ini yang bertemakan "Memantap Ukhuwah, Memperkasa Ummah" telah diadakan di Dewan Canselor, UMS. Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) telah menjadi tuan rumah untuk Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini.

Perarakan bermula pada jam 7.30 pagi di Dataran SKTM ke Dewan Canselor, UMS. Peserta perarakan terdiri daripada pegawai Universiti, pensyarah, kakitangan dan pelajar UMS menyertai perarakan tersebut.

Turut diadakan persembahan nasyid, pentomen pelajar Sekolah Pengajian Seni dan paluan kompong oleh belia Kampung Kelanahan, Papar.

Jabatan Bendahari muncul sebagai kontinjen terbaik sempena perhimpunan dan perarakan Maulidur Rasul peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2010.

Naib johan Perpustakaan dan ketiga Canselori manakala Kolej Kediaman A/B muncul sebagai johan kategori pelajar.

Majlis sambutan Maulidur Rasul tahun ini dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampom.

